



GARIS PANDUAN PERMOHONAN UNTUK KELULUSAN KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 BAGI TABUNG ENDOWMEN

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
A	PERMOHONAN KELULUSAN KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 (ACP)	
1.	Pendahuluan	1
2.	Institusi Yang Layak Kelulusan Di Bawah Subseksyen 44(11D) ACP	1
2.1	Institusi Yang Layak	1
2.2	Sumbangan Tunai Yang Layak di bawah Subseksyen 44(11D) ACP	2
3.	Kriteria Penubuhan Tabung Endowmen Bagi Permohonan Kelulusan Di Bawah Subseksyen 44(11D) ACP	2
3.1	Keperluan Penubuhan Tabung Endowmen	2
3.2	Objektif Penubuhan Tabung Endowmen	3
3.3	Syarat-Syarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah / Ahli Lembaga Pengarah / Ahli Jawatankuasa Tabung Endowmen	4
3.4	Pemberian Khidmat atau Manfaat Kepada Ahli Lembaga Pemegang Amanah / Ahli Lembaga Pengarah/ Ahli Jawatankuasa	4
3.5	Pendaftaran Nombor Pengenalan Cukai	5
3.6	Tempoh Operasi Tabung Endowmen Sebelum Permohonan	5
4.	Prosedur Permohonan Kelulusan Di Bawah Subseksyen 44(11D) ACP	5
4.1	Pihak Yang Memohon	5
4.2	Kaedah Permohonan	5
5.	Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) Di Bawah Subseksyen 44(11D) ACP	6
B	TANGGUNGJAWAB TABUNG ENDOWMEN DALAM TEMPOH KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) ACP	
6.	Pematuhan Kepada Syarat-Syarat Kelulusan Di Bawah Subseksyen 44(11D) ACP	6
6.1	Permohonan Kelulusan Format Resit Rasmi Sumbangan Endowmen	6
6.2	Pengeluaran Resit Rasmi Sumbangan Endowmen	7
6.3	Pelaksanaan e-Invois	7
6.4	Perbelanjaan Berkaitan Objektif Penubuhan Tabung Endowmen	8
6.5	Pemakluman Kepada KPHDN Secara Bertulis	9
6.6	Permohonan Kelulusan KPHDN Secara Bertulis	9

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
6.7	Pengemukakan Laporan Oleh Tabung Endowmen	9
6.8	Penyimpanan Rekod Tabung Endowmen	11
6.9	Pembubaran Tabung Endowmen	11
7.	Larangan Ke Atas Tabung Endowmen	11
8.	Kesan Pelanggaran Syarat-Syarat Kelulusan	12
C	TEMPOH MASA KELULUSAN DAN PERMOHONAN LANJUTAN TEMPOH KELULUSAN KPHDN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) ACP	
9.	Had Tempoh Kelulusan	13
10.	Permohonan Lanjutan Tempoh Kelulusan	14
D	LAYANAN PERCUKAIAN	
11.	Layanan Percukaian Ke Atas Tabung Endowmen	14
12.	Layanan Percukaian Ke Atas Pemberi Sumbangan	14
13.	Punca Kuasa KPHDN Ke Atas Kelulusan Dan Pengenaan Syarat-Syarat Kelulusan	15

A. PERMOHONAN KELULUSAN KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) ACP

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Garis Panduan ini menggariskan undang-undang dan peraturan berkaitan dengan Tabung Endowmen serta prosedur permohonannya untuk pertimbangan kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) di bawah subseksyen 44(11D) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP).
- 1.2 Garis Panduan ini menggantikan Garis Panduan Permohonan Untuk Kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di bawah Subseksyen 44(11D) Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi Endowmen yang dikeluarkan pada 6 Oktober 2020.
- 1.3 Garis Panduan ini menerangkan:
 - 1.3.1 Institusi yang layak kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP;
 - 1.3.2 Kriteria penubuhan Tabung Endowmen bagi permohonan kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP;
 - 1.3.3 Jenis objektif institusi atau Tabung Endowmen yang layak dipertimbangkan kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP;
 - 1.3.4 Prosedur permohonan institusi atau Tabung Endowmen di bawah subseksyen 44(11D) ACP;
 - 1.3.5 Syarat-syarat kelulusan institusi atau Tabung Endowmen di bawah subseksyen 44(11D) ACP;
 - 1.3.6 Kewajipan institusi atau Tabung Endowmen setelah mendapat kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP;
 - 1.3.7 Kesan pelanggaran syarat-syarat kelulusan;
 - 1.3.8 Tempoh masa kelulusan dan permohonan lanjutan tempoh kelulusan KPHDN di bawah subseksyen 44(11D) ACP;
 - 1.3.9 Layanan cukai ke atas pemberi sumbangan endowmen; dan
 - 1.3.10 Punca kuasa KPHDN ke atas kelulusan dan penganan syarat-syarat kelulusan.

2. INSTITUSI YANG LAYAK KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) ACP

2.1 Institusi Yang Layak

- 2.1.1 Bagi tujuan mendapatkan kelulusan KPHDN di bawah subseksyen 44(11D) ACP, institusi yang layak adalah:

- a. Universiti Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] atau Universiti Teknologi MARA yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [Akta 173] - Senarai Universiti Awam seperti di **Lampiran A**.
- b. Hospital Pengajar Universiti Awam - Senarai Hospital Pengajar Universiti Awam seperti di **Lampiran B**.

2.2 Sumbangan Tunai Yang Layak Di Bawah Subseksyen 44(11D) ACP

- 2.2.1 Endowmen yang layak untuk pertimbangan kelulusan KPHDN di bawah subseksyen 44(11D) ACP adalah endowmen dalam bentuk wang tunai sahaja.
- 2.2.2 Bagi tujuan kelulusan KPHDN di bawah subseksyen 44(11D) ACP, suatu amaun bersamaan dengan apa-apa pemberian dalam bentuk tunai adalah dibenarkan. Sumbangan tunai yang diterima mestilah:
 - a. Mempunyai nilai mata wang dalam ringgit Malaysia yang boleh ditentukan atau jelas;
 - b. Dikekalkan nilai pokoknya dan hanya manfaat atau pulangan sahaja yang boleh digunakan;
 - c. Merupakan wang milik mutlak pemberi sumbangan dan bukan hak atau milik pihak lain; dan
 - d. Tidak diterima daripada sumber yang menyalahi undang-undang atau melalui aktiviti yang merupakan suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.
- 2.2.3 Manfaat atau pulangan daripada endowmen tunai hendaklah digunakan bagi tujuan kebajikan, pendidikan, penyelidikan, kesihatan atau tujuan lain yang diluluskan selaras dengan objektif penubuhan Tabung Endowmen.
- 2.2.4 Pelaksanaan dan pengurusan Tabung Endowmen hendaklah mematuhi prinsip-prinsip pengurusan dana amanah yang ditetapkan, termasuk keperluan pemeliharaan nilai pokok, ketelusan dan kebertanggungjawaban.

3. KRITERIA PENUBUHAN TABUNG ENDOWMEN BAGI PERMOHONAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) ACP

3.1 Keperluan Penubuhan Tabung Endowmen

- 3.1.1 Institusi yang ingin memohon kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP perlu menubuhkan satu tabung endowmen bagi menguruskan hal ehwal berkaitan endowmen tersebut.

- 3.1.2 Bagi tujuan penubuhan Tabung Endowmen, institusi yang memohon hendaklah mempunyai punca kuasa penubuhan Tabung Endowmen tersebut di bawah undang-undang bertulis, peraturan kewangan atau ketetapan pentadbiran yang berkuat kuasa.
- 3.1.3 Tabung Endowmen hendaklah ditubuhkan dengan tidak bertujuan untuk mencari keuntungan.
- 3.1.4 Tatakelola dan Jawatankuasa bagi Tabung Endowmen hendaklah diasingkan daripada tatakelola dan pengurusan operasi Universiti Awam atau Hospital Pengajar Universiti Awam.

3.2 Objektif Penubuhan Tabung Endowmen

- 3.2.1 Penetapan objektif Tabung Endowmen adalah penting bagi menentukan aktiviti yang boleh dilaksanakan oleh Tabung Endowmen tersebut bagi tujuan pertimbangan kelulusan KPHDN di bawah subseksyen 44(11D) ACP.
- 3.2.2 Tabung Endowmen hendaklah mempunyai objektif seperti berikut:
 - a. Objektif Tabung Endowmen Universiti Awam:
 - (i) Berorientasikan kebajikan pelajar di Universiti Awam;
 - (ii) Berorientasikan pendidikan, penyelidikan dan pengembangan sistem pembelajaran dalam kalangan pelajar Universiti Awam; dan
 - (iii) Tujuan lain yang bermanfaat kepada Universiti Awam ke arah kemajuan dan pengajaran serta pembelajaran.
 - b. Objektif Tabung Endowmen Hospital Pengajar Universiti Awam:
 - (i) Menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti;
 - (ii) Membiayai penyelidikan baharu dan penerbitan saintifik; dan
 - (iii) Menyediakan peralatan perubatan berteknologi terkini.
- 3.2.3 Tabung Endowmen hendaklah secara berterusan memberikan khidmat atau manfaat berdasarkan objektif yang diluluskan.

3.3 Syarat-Syarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah / Ahli Lembaga Pengarah / Ahli Jawatankuasa Tabung Endowmen

- 3.3.1 50% atau lebih keahlian Ahli Lembaga Pemegang Amanah / Ahli Lembaga Pengarah / Ahli Jawatankuasa Tabung Endowmen mestilah terdiri daripada orang luar atau pihak lain dalam kalangan warga Universiti Awam atau Hospital Pengajar Universiti Awam yang tidak mempunyai perkaitan dengan Tabung Endowmen. Perkaitan adalah termasuk dan tidak terhad kepada:
- a. Hubungan kekeluargaan seperti ibu bapa, anak, adik-beradik termasuk hubungan kekeluargaan lain yang rapat;
 - b. Hubungan majikan dan pekerja; atau
 - c. Pengarah atau pekerja di dalam syarikat atau kumpulan syarikat yang sama.
- 3.3.2 Ahli Lembaga Pemegang Amanah / Ahli Lembaga Pengarah / Ahli Jawatankuasa Tabung Endowmen tidak boleh menerima manfaat atau emolumen daripada Tabung Endowmen termasuk emolumen tetap.
- 3.3.3 Ahli Lembaga Pemegang Amanah / Ahli Lembaga Pengarah / Ahli Jawatankuasa Tabung Endowmen / mana-mana pihak yang mengendalikan Tabung Endowmen tidak boleh menggunakan kuasa dan kedudukan mereka untuk kepentingan tertentu melalui Universiti Awam atau Hospital Pengajar Universiti Awam yang diluluskan tersebut.
- 3.3.4 Ahli Lembaga Pemegang Amanah / Ahli Lembaga Pengarah / Ahli Jawatankuasa Tabung Endowmen yang dilantik hendaklah dengan persetujuan pihak berkuasa Universiti Awam atau Hospital Pengajar Universiti Awam yang berkenaan.
- 3.3.5 Sebarang lantikan dan penamatan Ahli Lembaga Pemegang Amanah / Ahli Lembaga Pengarah / Ahli Jawatankuasa Tabung Endowmen yang berlaku sepanjang tempoh kelulusan berkuat kuasa hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada KPHDN.

3.4 Pemberian Khidmat atau Manfaat Kepada Ahli Lembaga Pemegang Amanah / Ahli Lembaga Pengarah / Ahli Jawatankuasa

- 3.4.1 Khidmat atau manfaat Tabung Endowmen tidak boleh dinikmati oleh Ahli Lembaga Tabung Endowmen atau mana-mana pihak yang mengendalikan Tabung Endowmen.
- 3.4.2 Khidmat atau manfaat Tabung Endowmen tidak boleh dinikmati oleh ahli keluarga atau mana-mana pihak yang berkepentingan secara langsung atau tidak langsung dengan Tabung Endowmen.

3.5 Pendaftaran Nombor Pengenalan Cukai

Tabung Endowmen diwajibkan mempunyai Nombor Pengenalan Cukai (TIN). TIN hendaklah didaftarkan di Pejabat HASiL yang berdekatan atau melalui aplikasi e-Daftar dalam sistem MyTax.

Bil	Jenis Fail Cukai	Kategori Pembayar Cukai	Maklumat Tambahan
1	F	Pertubuhan	Nama BNCP ialah TF
2	TA	Badan Amanah	Nama BNCP ialah TA

3.6 Tempoh Operasi Tabung Endowmen Sebelum Permohonan

Tiada pengenaan syarat tempoh operasi minimum bagi Tabung Endowmen yang ditubuhkan sebelum permohonan kelulusan dikemukakan.

4. PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) ACP

4.1 Pihak Yang Memohon

4.1.1 Orang yang layak mengemukakan permohonan untuk kelulusan KPHDN di bawah subseksyen 44(11D) ACP bagi pihak Universiti Awam atau Hospital Pengajar Universiti Awam adalah seperti berikut:

- a. Presiden, Pengerusi, Pengarah atau Setiausaha Tabung Endowmen; atau
- b. Wakil bertauliah yang dilantik secara sah oleh Universiti Awam atau Hospital Pengajar Universiti Awam. Bagi permohonan yang dikemukakan oleh wakil atau ejen, surat lantikan wakil atau ejen cukai hendaklah dikemukakan bersama-sama permohonan.

4.2 Kaedah Permohonan

4.2.1 Permohonan hendaklah menggunakan kepala surat rasmi yang menyatakan dengan jelas alamat surat-menyurat, alamat emel, nombor telefon serta dokumen sokongan yang terkini atau terbaharu seperti dalam senarai semak permohonan kelulusan Tabung Endowmen yang dilampirkan dalam Garis Panduan ini.

4.2.2 Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Sektor Dasar Percukaian
Aras 17, Menara Hasil
Persiaran Rimba Permai, Cyber 8
63000 Cyberjaya, Selangor.

5. KELULUSAN KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) ACP

- 5.1 Hanya permohonan yang memenuhi kriteria kelayakan dan dikemukakan dengan lengkap akan diproses dan dipertimbangkan untuk kelulusan KPHDN.
- 5.2 Setiap Tabung Endowmen yang diberikan kelulusan KPHDN akan menerima satu surat kelulusan yang mengandungi maklumat seperti berikut:
 - a. Nombor kelulusan KPHDN;
 - b. Tempoh kelulusan;
 - c. Syarat kelulusan, kewajipan dan larangan dalam tempoh kelulusan KPHDN; dan
 - d. Kesan pelanggaran syarat dan larangan dalam tempoh kelulusan KPHDN.

B. TANGGUNGJAWAB TABUNG ENDOWMEN DALAM TEMPOH KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) ACP

6. PEMATUHAN KEPADA SYARAT-SYARAT KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) ACP

- 6.1 **Permohonan Kelulusan Format Resit Rasmi Sumbangan Endowmen (RRSE)**
 - 6.1.1 Institusi atau Tabung Endowmen yang telah diluluskan hendaklah mengemukakan permohonan kelulusan format RRSE kepada KPHDN bagi tujuan tuntutan potongan cukai oleh pemberi sumbangan.
 - 6.1.2 Setelah permohonan kelulusan diluluskan oleh KPHDN, setiap Institusi atau Tabung Endowmen hendaklah menggunakan format RRSE yang telah diluluskan dan mengandungi maklumat-maklumat seperti berikut:
 - a. Nama dan alamat Institusi atau Tabung Endowmen;
 - b. Nombor siri RRSE yang bercetak (*pre-printed*);
 - c. Tarikh RRSE;
 - d. Nama pemberi sumbangan berserta nombor kad pengenalan atau nombor pasport dan nombor pendaftaran perniagaan serta alamat surat-menyurat pemberi sumbangan;
 - e. Amaun sumbangan;
 - f. Jawatan pemungut (*collector*) seperti Presiden, Bendahari atau

Akauntan; dan

g. Catatan berikut:

"Potongan Di Bawah Subseksyen 44(11D)

Akta Cukai Pendapatan 1967:

Nombor Rujukan: LHDN.AG.600-20/4/11.XXXX

Tarikh Kuatkuasa: hh/bb/tttt hingga hh/bb/tttt

6.2 Pengeluaran RRSE

- 6.2.1 RRSE hanya layak dikeluarkan kepada pemberi sumbangan yang mengemukakan maklumat lengkap berkaitan dirinya.
- 6.2.2 Bagi pemberi sumbangan individu, maklumat lengkap adalah seperti berikut:
 - a. Nama pemberi sumbangan;
 - b. Nombor kad pengenalan / nombor pasport; dan
 - c. Alamat lengkap.
- 6.2.3 Bagi pemberi sumbangan selain daripada individu, maklumat lengkap adalah seperti berikut:
 - a. Nama pemberi sumbangan;
 - b. Nombor pendaftaran; dan
 - c. Alamat lengkap.

6.3 Pelaksanaan e-Invois

- 6.3.1 Pelaksanaan e-Invois adalah terpakai kepada Institusi atau Tabung Endowmen yang diluluskan di bawah subseksyen 44(11D) ACP bagi transaksi penerimaan sumbangan endowmen tunai.
- 6.3.2 Pelaksanaan e-Invois hendaklah dilaksanakan secara berperingkat oleh Institusi atau Tabung Endowmen mengikut garis masa pelaksanaan mandatori yang ditetapkan dalam Perenggan 1.5, Garis Panduan e-Invois.
- 6.3.3 Walau bagaimanapun, Institusi atau Tabung Endowmen boleh memilih untuk melaksanakan e-Invois secara sukarela pada tarikh yang lebih awal berbanding garis masa yang ditetapkan.
- 6.3.4 Kaedah pelaksanaan e-Invois hendaklah mematuhi ketetapan dan spesifikasi yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dari semasa ke semasa.
 - a. Jika pemberi sumbangan **meminta e-Invois**
 - (i) Institusi atau Tabung Endowmen hendaklah mengeluarkan e-Invois bagi transaksi penerimaan sumbangan endowmen tunai atau hadiah wang;

- (ii) Pengeluaran RRSE subseksyen 44(11D) ACP bagi transaksi penerimaan sumbangan endowmen tunai tidak lagi diperlukan sekiranya e-Invois telah dikeluarkan kepada pemberi sumbangan; dan
- (iii) Institusi atau Tabung Endowmen tidak perlu mendapatkan kelulusan dan kebenaran KPHDN terlebih dahulu sekiranya e-Invois yang dikeluarkan adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh LHDNM.

b. Jika penderma tidak meminta e-Invois

- (i) Institusi atau Tabung Endowmen hendaklah mengeluarkan RRSE subseksyen 44(11D) ACP mengikut garis panduan dan ketetapan yang ditetapkan oleh KPHDN; dan
- (ii) Institusi atau Tabung Endowmen hendaklah menjumlahkan semua transaksi penerimaan sumbangan endowmen tunai secara bulanan dan mengemukakan e-Invois yang disatukan (*consolidated e-Invoice*) dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar bulan berikutnya.

c. Nota:

- (i) Bagi pemberi sumbangan yang tidak mengemukakan maklumat lengkap, Institusi atau Tabung Endowmen hendaklah menjumlahkan semua transaksi penerimaan sumbangan endowmen tunai tersebut secara bulanan dan mengemukakan e-Invois yang disatukan (*consolidated e-Invoice*) dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar bulan berikutnya.
- (ii) Bagi tujuan pengeluaran e-Invois termasuk e-Invois yang disatukan, butiran kelulusan subseksyen 44(11D) ACP hendaklah dimasukkan ke dalam ruangan "Keterangan Produk atau Perkhidmatan" selaras dengan spesifikasi e-Invois yang ditetapkan.
- (iii) Mulai 1 Januari 2026, bagi penerimaan derma atau hadiah wang melebihi RM10,000 dalam satu transaksi, penderma wajib mengemukakan maklumat lengkap seperti yang dinyatakan dalam Lampiran 1, Garis Panduan e-Invois untuk tujuan pelaksanaan e-Invois.

6.4 Perbelanjaan Berkaitan Objektif Penubuhan Tabung Endowmen

- 6.4.1 Setiap Tabung Endowmen hendaklah membelanjakan sekurang-kurangnya lima puluh peratus (50%) daripada pendapatan endowmen yang diperolehi dalam tahun terdahulu selewat-lewatnya pada tahun ketiga bagi tujuan melaksanakan objektif penubuhan Tabung Endowmen.

- 6.4.2 Perbelanjaan bagi tujuan pelaburan atau pembelian aset untuk kegunaan Tabung Endowmen tidak boleh diambil kira sebagai perbelanjaan berkaitan objektif.

6.5 Pemakluman Kepada KPHDN Secara Bertulis

- 6.5.1 Pemakluman secara bertulis perlu dibuat kepada KPHDN dalam tahun kewangan yang sama bagi perkara berikut:

- a. Pemilikan aset atau harta meliputi tanah, bangunan, kenderaan, peralatan dan lain-lain. Pemakluman hendaklah dikemukakan berdasarkan nilai kos aset seperti jadual di bawah:

Kategori Aset	Kos
Tanah dan Bangunan	Bagi setiap transaksi pemilikan dan pembelian aset
Loji dan Jentera	
Kenderaan	
Renovasi	
Lekapan dan Kelengkapan	RM20,000 dan ke atas bagi setiap transaksi pemilikan dan pembelian aset
Peralatan Pejabat	
Perkakasan Komputer	

- b. Pelupusan aset atau harta;
- c. Sebarang pertukaran Ahli Lembaga Tabung Endowmen atau pihak yang mengendalikan Tabung Endowmen; dan
- d. Pindaan kepada perlembagaan, undang-undang kecil atau surat ikatan amanah Tabung Endowmen.

6.6 Permohonan Kelulusan KPHDN Secara Bertulis

- 6.6.1 Permohonan secara bertulis perlu dibuat kepada KPHDN dalam tahun kewangan yang sama bagi perkara berikut:

- a. Pelaksanaan apa-apa aktiviti oleh Tabung Endowmen yang tidak selaras dengan objektif yang telah diluluskan; atau
- b. Pembubaran Tabung Endowmen atau penyerahan balik kelulusan KPHDN di bawah subseksyen 44(11D) ACP.

6.7 Pengemukaan Laporan Oleh Tabung Endowmen

- 6.7.1 Pengemukaan Penyata Kewangan Beraudit oleh Institusi atau Tabung Endowmen:

- a. Akaun beraudit yang berasingan perlu disediakan bagi Tabung Endowmen di bawah subseksyen 44(11D) ACP;

- b. Institusi atau Tabung Endowmen hendaklah mengemukakan Penyata Kewangan tahunan yang telah diaudit kepada KPHDN dalam tempoh yang ditetapkan;
- c. Penyata kewangan beraudit Tabung Endowmen hendaklah melaporkan nilai aset, pelaburan dan pendapatan yang dibiayai atau diperoleh daripada Tabung Endowmen secara telus dan tepat, termasuk kaedah penilaian yang digunakan; dan
- d. Penyata kewangan beraudit hendaklah menunjukkan semua aset atau pelaburan yang dibiayai menggunakan dana Tabung Endowmen dan pendapatan yang terhasil daripada aset atau pelaburan tersebut secara lengkap dan berasingan daripada dana lain.

6.7.2 Pengemukaan Laporan-Laporan Lain oleh Tabung Endowmen

- a. Penyata aktiviti Tabung Endowmen;
- b. Senarai pemberi sumbangan endowmen yang melebihi RM10,000; dan
- c. Senarai penerima bantuan endowmen yang lengkap dengan butiran berikut:
 - (i) Nama dan nombor kad pengenalan individu penerima manfaat serta amaun dan jenis bantuan diterima; dan
 - (ii) Nama, alamat dan nama pengarah institusi atau organisasi yang menerima bantuan serta amaun dan jenis bantuan diterima.

6.7.3 Penyata kewangan beraudit tahunan, Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) dan lain-lain laporan di perenggan hendaklah dikemukakan mengikut syarat kelulusan KPHDN di bawah subseksyen 44(11D) ACP dan mana-mana peruntukan undang-undang yang berkenaan sedia ada seperti berikut:

Jenis Fail Cukai	Kategori Pembayar Cukai	Aktiviti Perniagaan	Tarikh Akhir Pengemukaan Penyata Kewangan Beraudit, dan BNCP	Kaedah Pengemukaan	
				Penyata Kewangan Beraudit	BNCP
F	Pertubuhan	Tiada	30 April setiap tahun	Dikemukakan ke: Sektor Dasar Percukaian Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Menara Hasil, Aras 17,	e-filing
		Ada	30 Jun setiap tahun		
C	Syarikat - SBMJ	Ada atau	Dalam tempoh 7 bulan dari tarikh akhir penutupan		

TA	Badan Amanah	Tiada	tempoh perakaunan yang menjadi tempoh asas bagi tahun taksiran berkenaan.	Persiaran Rimba Permai, Cyber 8, 63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.	
----	--------------	-------	---	---	--

6.8 Penyimpanan Rekod Tabung Endowmen

- 6.8.1 Semua rekod dan dokumen Tabung Endowmen hendaklah disimpan untuk dikemukakan kepada KPHDN untuk rujukan dan semakan sekiranya diperlukan kelak.

6.9 Pembubaran Tabung Endowmen

6.9.1 Sekiranya Tabung Endowmen dibubarkan:-

- a. Kesemua hutang dan tanggungan Tabung Endowmen hendaklah diselesaikan sepenuhnya dan baki aset dan wang, jika ada, hendaklah dipindahkan atau diserahkan kepada Tabung Endowmen lain yang telah diluluskan oleh KPHDN.
- b. Pembubaran Tabung Endowmen hendaklah dimaklumkan kepada KPHDN secara bertulis dengan segera dan selewat-lewatnya dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pembubaran.
- c. Semua akaun bank Tabung Endowmen hendaklah ditutup dengan serta-merta selepas pembubaran. Surat penutupan akaun bank dan surat pengesahan daripada pihak berkuasa institusi hendaklah dikemukakan kepada KPHDN sebagai bukti.

7. LARANGAN KE ATAS TABUNG ENDOWMEN

7.1 Tabung Endowmen dilarang melakukan perkara-perkara berikut:

- a. Menggunakan atau memaparkan logo rasmi LHDNM atau mengubah suai logo tersebut di dalam semua dokumen dan media;
- b. Melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dalam sebarang aktiviti politik, pembiayaan kempen politik, kegiatan kepartian, pengubahan wang haram, pemerdagangan manusia atau gerakan keganasan atau sebarang aktiviti yang bertentangan dengan undang-undang;
- c. Membeli, memiliki atau menambah aset yang tidak selaras dengan objektif penubuhan Tabung Endowmen atau yang boleh menjejaskan kelulusan KPHDN di bawah subseksyen 44(11D) ACP.

8. KESAN PELANGGARAN SYARAT-SYARAT KELULUSAN

- 8.1 Sekiranya Tabung Endowmen melanggar mana-mana **syarat-syarat kelulusan** yang dinyatakan dalam Garis Panduan ini atau peruntukan dalam ACP, KPHDN atas budi bicaranya boleh membatalkan kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP.
- 8.2 Dalam perenggan 8.1, perkataan '**syarat-syarat kelulusan**' termasuk syarat kelulusan, tanggungjawab dan larangan Tabung Endowmen yang ditetapkan dalam surat kelulusan atau Garis Panduan yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.
- 8.3 Setiap Tabung Endowmen yang telah diluluskan oleh KPHDN di bawah subseksyen 44(11D) ACP akan menikmati pengecualian cukai di bawah subsubperenggan 13(1)(c) Jadual 6, ACP.
- 8.4 Bagaimanapun, cukai pendapatan boleh dikenakan kepada mana-mana Tabung Endowmen yang **melanggar syarat dan larangan kelulusan** semasa dalam tempoh kelulusan KPHDN berkuatkuasa. Kadar cukai akan dikenakan mengikut jenis fail cukai yang didaftarkan dan cukai akan dibangkitkan pada tahun taksiran pelanggaran syarat tersebut.
- 8.5 Dalam perenggan 8.4, perkataan '**syarat dan larangan kelulusan**' adalah syarat-syarat dan larangan kelulusan di **Bahagian B** garis panduan ini serta syarat-syarat dan larangan kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.
- 8.6 Walau apapun dinyatakan dalam perenggan 8.4, KPHDN atas budi bicaranya boleh menarik balik kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP berdasarkan merit kesalahan sesuatu pelanggaran syarat.
- 8.7 Dalam situasi di mana Tabung Endowmen Universiti Awam atau Tabung Endowmen Hospital Pengajar Universiti Awam tiada pendapatan bagi sesuatu tahun taksiran dalam tempoh kelulusan dan berlakunya pelanggaran syarat, KPHDN boleh menggunakan kuasa di bawah kuasa Seksyen 148 ACP untuk memendekkan / menarik balik status kelulusan Tabung Endowmen di bawah subseksyen 44(11D) ACP.
- 8.8 Ringkasan pelanggaran syarat dan larangan kelulusan oleh Tabung Endowmen adalah seperti berikut:
 - a. Gagal atau lewat mengemukakan penyata kewangan beraudit untuk tempoh yang diperlukan;
 - b. Gagal atau lewat mengemukakan BNCP;
 - c. Gagal atau lewat mengemukakan senarai lengkap pemberi sumbangan endowmen yang telah menderma sebanyak RM10,000 dan ke atas;
 - d. Gagal atau lewat mengemukakan senarai penerima bantuan endowmen;
 - e. Gagal atau lewat mengemukakan senarai aktiviti;

- f. Gagal mematuhi syarat peraturan perbelanjaan untuk objektif;
- g. Menyalahguna resit derma atau membenarkan pihak lain menggunakan resit derma Tabung Endowmen yang diluluskan;
- h. Menggunakan resit yang tidak mengikut format yang ditetapkan oleh KPHDN;
- i. Mengeluarkan resit kepada pemberi sumbangan endowmen yang tidak memberikan maklumat yang lengkap;
- j. Gagal melaksanakan sebarang aktiviti seperti dalam objektif;
- k. Melaksanakan aktiviti yang tidak selaras dengan objektif;
- l. Gagal mengemukakan permohonan bertulis kepada KPHDN berkenaan pindaan perlembagaan, perubahan Ahli Lembaga Pemegang Amanah / Ahli Lembaga Pengarah / Ahli Jawatankuasa Tabung Endowmen atau pertambahan / pengurangan aset;
- m. Gagal memaklumkan pertukaran alamat;
- n. Melaksanakan aktiviti di luar negara tanpa kelulusan Menteri Kewangan;
- o. Memberi manfaat dan faedah kepada Ahli Lembaga Pemegang Amanah / Ahli Lembaga Pengarah / Ahli Jawatankuasa Tabung Endowmen;
- p. Menyalahgunakan dana untuk aktiviti haram, membiayai sebarang aktiviti keganasan atau kepentingan tertentu pengasas / Ahli Lembaga Pemegang Amanah / Ahli Lembaga Pengarah / Ahli Jawatankuasa Tabung Endowmen atau mana-mana pihak yang mengendalikan Tabung Endowmen;
- q. Terlibat dalam pengubahan wang haram; dan
- r. Pelanggaran mana-mana syarat dan larangan kelulusan lain yang ditetapkan dalam surat kelulusan atau Garis Panduan yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.

C. TEMPOH MASA KELULUSAN DAN PERMOHONAN LANJUTAN TEMPOH KELULUSAN KPHDN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) ACP

9. HAD TEMPOH KELULUSAN

- 9.1 Had tempoh kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP yang diberikan oleh KPHDN kepada Tabung Endowmen adalah **sehingga 5 tahun**.

10. PERMOHONAN LANJUTAN TEMPOH KELULUSAN

- 10.1 Bagi tujuan permohonan lanjutan tempoh kelulusan, Tabung Endowmen perlu membuat permohonan rasmi secara bertulis kepada KPHDN dalam tempoh 6 bulan sebelum tamat tempoh kelulusan sedia ada.
- 10.2 Permohonan lanjutan tempoh kelulusan akan dipertimbangkan oleh KPHDN berdasarkan semakan rekod pematuhan kepada syarat-syarat kelulusan terdahulu dan syarat kelulusan KPHDN semasa yang berkuat kuasa menerusi peruntukan subseksyen 44(11D) dan Garis Panduan.

D. LAYANAN PERCUKAIAN

11. LAYANAN PERCUKAIAN KE ATAS TABUNG ENDOWMEN

- 11.1 Pendapatan Tabung Endowmen yang telah diluluskan di bawah subseksyen 44(11D) ACP dikenakan dengan apa juga sumbangan yang diterimanya termasuk pendapatan yang terbit daripadanya adalah dikecualikan daripada cukai di bawah subsubperenggan 13(1)(c) Jadual 6 ACP.
- 11.2 Layanan ini terpakai selagi Tabung Endowmen masih mempunyai kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP. Pengecualian ini tidak memberikan pelepasan kepada pihak Tabung Endowmen daripada mengemukakan BNCP, menjalankan apa juga tanggungjawabnya seperti termaktub di dalam Garis Panduan ini dan apa-apa peruntukan di bawah ACP.

12. LAYANAN PERCUKAIAN KE ATAS PEMBERI SUMBANGAN

- 12.1 Pemberi sumbangan endowmen tunai kepada Tabung Endowmen yang diluluskan di bawah subseksyen 44(11D) ACP dan disokong oleh Resit Rasmi atau e-Invois yang sah layak menuntut potongan daripada pendapatan agregat ke atas sumbangan tersebut.
- 12.2 Walau bagaimanapun, amaun potongan yang dibenarkan di bawah subseksyen 44(11D) ACP bersama amaun potongan lain yang dibenarkan di bawah subseksyen 44(6), 44(11B) dan 44(11C) ACP tidak boleh melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pendapatan agregat bagi tahun taksiran berkenaan.
- 12.3 Pemberi sumbangan tidak boleh menuntut potongan cukai mulai tarikh surat pemakluman penarikan balik kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP sekiranya kelulusan yang diberikan kepada Tabung Endowmen di bawah subseksyen tersebut ditarik balik.

13. PUNCA KUASA KPHDN KE ATAS KELULUSAN DAN PENGENAAN SYARAT- SYARAT KELULUSAN

- 13.1 Syarat-syarat kelulusan dan tanggungjawab Tabung Endowmen yang dinyatakan dalam Garis Panduan ini tidak mengehadkan, menjejaskan atau menafikan kuasa Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di bawah Seksyen 148 ACP berhubung dengan kelulusan di bawah subseksyen 44(11D) ACP.
- 13.2 Pemakaian subseksyen 44(11D) ACP hendaklah dibaca bersama subseksyen 44(11E) ACP bagi tujuan pertimbangan kelulusan, pengenaan syarat-syarat tambahan atau penarikan balik kelulusan KPHDN di bawah subseksyen 44(11D) ACP.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Tarikh : 01 JULAI 2026

s.k: LHDN.AG.600-20/4/11.

SENARAI UNIVERSITI AWAM YANG LAYAK

1. Universiti Malaya
2. Universiti Teknologi MARA
3. Universiti Sains Malaysia
4. Universiti Kebangsaan Malaysia
5. Universiti Putra Malaysia
6. Universiti Teknologi Malaysia
7. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
8. Universiti Malaysia Sarawak
9. Universiti Malaysia Sabah
10. Universiti Pendidikan Sultan Idris
11. Universiti Sains Islam Malaysia
12. Universiti Teknikal Malaysia Melaka
13. Universiti Malaysia Perlis
14. Universiti Malaysia Pahang
15. Universiti Sultan Zainal Abidin
16. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
17. Universiti Malaysia Kelantan
18. Universiti Malaysia Terengganu
19. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
20. Universiti Utara Malaysia

SENARAI HOSPITAL PENGAJAR UNIVERSITI AWAM YANG LAYAK

1. Pusat Perubatan Universiti Malaya
2. Hospital Universiti Sains Malaysia
3. Hospital Canselor Tuanku Mukhriz Universiti Kebangsaan Malaysia
4. Pusat Perubatan Sultan Ahmad Shah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
5. Hospital Universiti Teknologi Mara
6. Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia
7. Hospital Pakar Kanak-Kanak Universiti Kebangsaan Malaysia
8. Hospital Universiti Malaysia Sabah
9. Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin
10. Hospital Pengajar Universiti Malaysia Sarawak



IBU PEJABAT HASIL
SEKTOR DASAR PERCUKAIAN
ARAS 17, MENARA HASIL CYBERJAYA
PERSIARAN RIMBA PERMAI
CYBER 8, 63000 CYBERJAYA
SELANGOR DARUL EHSAN

**PERMOHONAN KELULUSAN TABUNG ENDOWMEN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(11D) AKTA
CUKAI PENDAPATAN 1967**

Senarai semak : Permohonan Kelulusan Tabung Endowmen Oleh Universiti Awam dan Hospital
Pengajar Universiti Awam

- ☐ Salinan minit mesyuarat tujuan permohonan Tabung Endowmen ;
- ☐ Tujuan/Objektif kutipan Tabung Endowmen yang diluluskan Universiti Awam/ Hospital Pengajar Universiti Awam;
- ☐ Surat sokongan dan lantikan atau perjanjian oleh Universiti Awam/ Hospital Pengajar Universiti Awam;
- ☐ Senarai AJK Tabung Endowmen yang lengkap dengan menyatakan nama, alamat penuh, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan/perniagaan dan jawatan yang dipegangnya dalam jawatankuasa sebagaimana format yang dilampirkan;
- ☐ Maklumat pelaburan dan tempoh kutipan wang tunai bagi tujuan Tabung Endowmen jika berkenaan;
- ☐ Salinan Peraturan Tabung Endowmen yang telah disetemkan;
- ☐ Nama dan no penyata bank bagi tujuan Tabung Endowmen tunai ;
- ☐ No fail cukai pendapatan (TF/TA/C) ke atas Universiti Awam/ Hospital Pengajar Universiti Awam/ Tabung Endowmen yang berkenaan - _____
- ☐ Saya mengakui bahawa maklumat/dokumen yang dikemukakan adalah benar dan lengkap. Saya memahami bahawa jika sekiranya maklumat ini didapati palsu atau tidak lengkap, permohonan ini tidak akan dipertimbangkan.

.....
Nama:

Tarikh :

Nota:

Permohonan hanya akan diproses sekiranya dokumen lengkap diterima.